

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

YB. Dato' Seri/ YBhg.Dato'/ Tuan/ Puan,

Berikut adalah petikan daripada keputusan hukuman tatatertib yang telah diputuskan oleh **Jawatankuasa Tatatertib (JKTT) Dengan Tujuan Buang Kerja Atau Turun Pangkat Bagi Kumpulan Sokongan pada 13 Disember 2021**.

2. Pihak YB. Dato' Seri/ YBhg.Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum bahawa hebahan ini penting bertujuan memberi peringatan kepada semua Petugas FELDA, **kepentingan memperkukuhkan integriti daripada melakukan jenayah rasuah dan pelanggaran tatatertib** di masa akan datang. Keputusan seperti di bawah:

PERKARA	KEPUTUSAN 1	KEPUTUSAN 2	KEPUTUSAN 3
Bidang Kuasa Jawatankuasa Tatatertib	Tindakan Tatatertib Dengan Tujuan Buang Kerja Atau Turun Pangkat (Kumpulan Sokongan)	Tindakan Tatatertib Dengan Tujuan Buang Kerja Atau Turun Pangkat (Kumpulan Sokongan)	Tindakan Tatatertib Dengan Tujuan Buang Kerja Atau Turun Pangkat (Kumpulan Sokongan)
Gred/Kumpulan Perjawatan	G19	N19	H11
Kesalahan	Petugas didapati telah berlaku tidak jujur dan tidak amanah kerana dengan sengaja telah menggunakan untuk kepentingan peribadinya Wang Pendahuluan Hasil (PH) yang sepatutnya dibayar kepada lima (5) orang peneroka FELDA bagi tempoh bermula Januari 2019 hingga Mei 2020 berjumlah RM4,450.00 . Walau bagaimanapun, petugas ini telah membayar semula keseluruhan Wang PH kepada peneroka-peneroka yang terlibat sebelum siasatan dijalankan.	Petugas didapati telah tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah selama empat (4) hari dan tidak merakam waktu keluar pejabat selama 13 hari bermula Februari 2021 hingga April 2021.	Petugas didapati telah tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah selama 61hari dan tidak merakam waktu keluar pejabat selama 8hari bermula Disember 2020 hingga April 2021.
Peraturan	Peraturan 40(e), Bahagian VI, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605).	Peraturan 40 (a) dan (c), Bahagian VI, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605).	Peraturan 40(g), Bahagian VI, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605).
Hukuman	Turun Tiga (3) Pergerakan Gaji Selama 36 Bulan	Lucut Hak Emolumen Bagi Tempoh 24 hari dan Amaran	Buang Kerja

PERKARA	KEPUTUSAN 1	KEPUTUSAN 2	KEPUTUSAN 3
Tempoh Tidak Layak Dipertimbangkan Kenaikan Pangkat (Pekeliling Perkhidmatan Bil.3 Tahun 2009)	36 Bulan	24 Bulan	-

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

t.t

(MOHAMAD FAUZI BIN HUSIN)TPj

Pengarah Jabatan Integriti
FELDA